

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 OGOS 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 18

Kerangka ekonomi baharu dorong pertumbuhan, pacu kemajuan

## Kerangka ekonomi baharu dorong pertumbuhan, pacu kemajuan

Dasar penyusunan semula bolehkan negara harungi cabaran menuju masa depan

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pelancaran Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat memberi persepsi awal bahawa ia boleh menjadi pemangkin kepada kemajuan negara, demikian kata TA Securities.

Firma pembrokeran itu berpendapat, kerangka ekonomi baharu Malaysia itu memerlukan pelaksanaan penambahbaikan

dan pengubahsuaian kepada rangka kerja ekonomi dan sosial sedia ada, dengan tujuan yang jelas untuk meningkatkan kecekapan, memupuk keterangkuman dan mendorong pertumbuhan yang mampan.

Ia berkata, dengan mengamalkan dasar penyusunan semula, negara boleh mengatasi cabarannya, membuka kunci potensinya yang belum diterokai dan membuka jalan ke arah yang masa depan yang lebih menjanjikan untuk penduduknya.

"Memandangkan hasil yang didasarkan dalam tempoh satu dekad, defisit fiskal yang disasarkan sebanyak 3.0 peratus nampaknya menjanjikan.

"Ini selari dengan unjuran yang digariskan dalam Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) oleh Kementerian Kewangan sebanyak 4.1 peratus antara



2023 dan 2025," katanya dalam nota penyelidikan yang disediakan oleh penganalisis, Shazma Juliana dan Farid Burhanuddin.

### Capai peningkatan KDNK

Mengulas lanjut, TA Securities berkata, walaupun tiada sasaran makroekonomi khusus lain yang dinyatakan secara jelas, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim merujuk kepada kemungkinan untuk mencapai peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.5 peratus dalam senario kes asas, malah

sehingga 6.0 peratus bagi sasaran jangka sederhana.

Ia berpandangan, penegasan kadar pertumbuhan yang kukuh agak optimistik sedikit, tetapi pelaksanaan yang berjaya dan penyempurnaan dasar itu akan memainkan peranan penting dalam mencapai hasil yang diinginkan.

"Sebagai perbandingan, unjuran jangka panjang Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk KDNK Malaysia lebih konservatif 3.9 peratus pada 2028.

"Merealisasikan cita-cita itu memerlukan pembangunan keupayaan berkembang maju perusahaan tempatan yang berdaya saing dalam landskap serantau. Ia adalah amat penting untuk memperkasakan syarikat domestik, membolehkan mereka mengembangkan kehadiran dan operasi mereka di negara ASEAN," katanya.

TA Securities berkata, di samping memupuk pertumbuhan perusahaan domestik, kerajaan mesti melaksanakan pembaharuan menyeluruh untuk meningkatkan daya saing global Malaysia dan memudahkan persekitaran lebih mesra perniagaan.

Ia berkata, dengan berusaha untuk menduduki antara 12 ekonomi teratas di seluruh dunia, Malaysia boleh menarik kemusuk pelaburan langsung asing yang lebih besar, seterusnya memupuk inovasi, menjana lebih banyak peluang pekerjaan dan mendorong pertumbuhan ekonomi yang mampan.

"Pendekatan proaktif ke arah pembangunan ekonomi memastikan Malaysia kekal destinasi menarik untuk pelaburan antarabangsa, merangsang kemajuan pelbagai bidang dan menambah kemakmuran negara," katanya.